

bah

MAJIKAN DAN PEKERJA SALING BERGANTUNG, KATA PM

Pekerja - Mahathir

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata majikan dan pekerja saling bergantung dengan masing-masing sentiasa perlu mengambil berat kepentingan pihak yang lain.

Dalam perutusannya sempena Hari Pekerja yang disambut esok, Perdana Menteri berkata hakikat itu perlu sentiasa diingati oleh majikan dan pekerja.

+Seperti mana majikan tidak boleh membelakangkan kepentingan dan keperluan pekerja, pekerja juga tidak boleh membelakangkan kepentingan majikan.

+Adanya pekerja ialah kerana adanya majikan dan adanya majikan ialah kerana adanya pekerja. Yang satu tidak mungkin ada tanpa yang satu lagi,+ katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan sentiasa mengimbangi kepentingan majikan dan pekerja kerana ia bertanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Katanya, kerajaan tidak akan membenarkan pertikaian perusahaan berlanjutan kerana ia akan mengancam daya saing negara.

Ancaman itu bukan saja akan menjejaskan pembangunan negara dan nasib rakyat tetapi menyebabkan majikan dan pekerja rugi, kata beliau. -- Lagi

▼30/04/14-47MST

CNS2260

U GB 30-04 00120 BH257

bah

Pekerja - Mahathir 2 Kuala Lumpur

+Tidak ada pilih kasih dalam perkara ini. Yang dikasihi ialah semua rakyat dan negara,+ katanya.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai niat buruk para pemimpin kesatuan sekerja negara maju yang sering mengungkit hak pekerja di negara membangun. .

Katanya, para pemimpin asing itu sebenarnya bimbang terhadap saingan daripada barangan hasil negara membangun.

Jika pekerja negara membangun mogok dan menuntut upah yang tinggi, keupayaan barangan negara maju bersaing dengan barangan negara membangun adalah lebih baik, kata beliau.

Dengan memajukan barangan mereka, para pekerja di negara maju akan dapat menuntut supaya upah mereka dinaikkan.

+Janganlah kita tertipu dengan kepura-puraan mereka,+ kata beliau. -- Lagi

▼30/04/14-49MST

CNS2262

U GB 30-04 00110 BH258

bah

Pekerja - Mahathir 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata upah boleh meningkat tanpa mogok atau ugutan. Cara terbaik untuk menambah pendapatan, menurut beliau, ialah melalui keamanan perusahaan yang akan meningkatkan pelaburan sehingga bilangan pekerja tidak mencukupi.

Ekoran daripada itu, majikan terpaksa menawarkan upah yang lebih tinggi untuk mendapat pekerja yang diperlukan, katanya.

+Lebih aman arena perusahaan, lebih produktiflah perusahaan dan lebih ramailah pelabur,+ kata Dr Mahathir.

Sempena Hari Pekerja, Perdana Menteri juga menyarankan supaya rakyat Malaysia bekerjasama dengan ikhlas untuk membangunkan negara ini.

+Rusuhan, sengketa dan pertelingkahan tidak pernah membawa manfaat kepada sesiapa,+ katanya.-- Bernama

▼30/04/14-49MST